

Kosmo MS 11 2/8/2014

SPA kenal pasti penipuan soalan peperiksaan

KUALA LUMPUR - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) telah mengenal pasti terdapatnya penipuan mengenai soalan bagi peperiksaan jawatan Penolong Penguasa Kastam Gred W27 yang akan diadakan pada Selasa ini.

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam (**gambar**) berkata, pihaknya mengesan penipuan tersebut melalui e-mel *timkerjakerajaan@gmail.com* yang mendedahkan contoh soalan peperiksaan tersebut pada pukul 10 pagi kelmarin.

"SPA tidak pernah memaklumkan mana-mana

pihak bagi tujuan tersebut.

"Kami menjalankan urusan mengikut prosedur yang ditetapkan dan setiap soalan yang bakal diduduki oleh calon adalah rahsia sehingga pada tarikh dan yang masa yang ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mahmood berkata, segala pengurusan dan penyediaan soalan diambil dari bank data soalan SPA yang mengikut standard dan kualiti sebagaimana ditetapkan dalam piawaian MS ISO 9001:2008. - Bernama



BH MS 5 2/8/2014

Usah terpedaya soalan periksa SPA dalam e-mel

Putrajaya: Suruhanjaya perkhidmatan Awam (SPA) mengingatkan orang ramai tidak terpedaya dengan penipuan e-mel yang mendedahkan contoh soalan peperiksaan Penolong Penguasa Kastam Gred W27.

Pengerusinya, Tan Sri Mahmood Adam, dalam kenyataan semalam, memaklumkan semua urusan pengisian kekosongan jawatan di SPA termasuk peperiksaan secara atas talian hanya melalui SPA.

Makluman itu dibuat selepas SPA mengenal pasti penipuan melalui e-mel, contoh soalan yang didakwa dihantar pada jam 10 pagi 31 Julai lalu.

"Contoh dihantar menerusi e-mel timkerjakerajaan@gmail.com, ditujukan kepada calon yang akan menduduki peperiksaan jawatan Penolong Penguasa Kastam Gred W27 pada 5 Ogos ini.

Untuk makluman, SPA tidak pernah memaklumkan mana-mana pihak bagi tujuan itu. Katanya, sebarang maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi SPA di talian 03-88856000, 03-88856028 dan 03-88856315 atau melayari laman sesawang SPA di www.spa.gov.my.

TARIKH : 02/08/2014

MS : 9

UM MS 9 218/2014

SPA kesan penipuan soalan peperiksaan

KUALA LUMPUR 1 Ogos - Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Tan Sri Mahmood Adam berkata, pihaknya telah mengenal pasti terdapatnya penipuan mengenai soalan bagi peperiksaan jawatan penolong penguasa kastam Gred W27 yang akan diadakan pada Selasa ini.

Beliau berkata, pihaknya mengesan penipuan melalui e-mel *timkerjakerajaan@gmail.com* yang mendedahkan contoh soalan untuk peperiksaan tersebut pada pukul 10 pagi semalam.

“Untuk makluman, SPA tidak pernah memaklumkan mana-mana pihak bagi tujuan tersebut. SPA menjalankan urusan mengikut prosedur yang ditetapkan dan setiap soalan yang bakal diduduki oleh calon adalah ‘rahsia’ sehingga pada tarikh dan masa ditetapkan,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mahmood berkata, segala pengurusan dan penyediaan soalan diambil dari bank data soalan SPA yang mengikut standard dan kualiti seperti ditetapkan dalam MS ISO 9001:2008.

“Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan tidak terpedaya dengan penipuan tersebut dan membuat urusan permohonan perjawatan atau peperiksaan dengan SPA secara terus,” katanya.

Beliau berkata, orang ramai yang ingin mendapatkan sebarang maklumat lanjut boleh menghubungi SPA di talian 03-88856000 atau 03-88856028 atau 03-88856315 atau melayari laman web SPA di *www.spa.gov.my*. - **BERNAMA**